



Oleh **Wan Mohd Ruzlan Wan Omar**

Perkasa dulu bahasa Melayu di negara kita

Seringkali timbulnya cadangan untuk mengangkat Bahasa Melayu sebagai Bahasa ASEAN. Sekali dengar, kita semua berasa amat bangga dan begitu mengharap-cadangan tersebut bakal menjadi suatu realiti. Bukan sekali dua cadangan seperti ini dikemukakan.

Sebenarnya apabila kita menyebut pasal hendak menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN, sudah pasti ia bukan satu untaian kata beretorik sekadar pengalas bibir apabila berucap ataupun semasa mengutarakan isi dalam seminar.

Hal ini kerana niat, hajat dan keazaman untuk mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN memerlukan asas dan bukti yang kukuh.

Saya amat bersetuju dengan pandangan Timbalan Ketua Pengerah (Dasar), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Prof Dr Zaharani Ahmad yang juga bekas pensyarah saya di Jabatan Linguistik ketika menuntut di UKM iaitu beliau baru-baru ini ada mengatakan bahawa "Jangan sesekali bermimpi untuk meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi pada peringkat ASEAN, selagi bahasa tersebut tidak diperkasa dan dimartabatkan dengan selayaknya di negara sendiri."

Logik dan tepat sebagaimana beliau luahkan itu kerana kedudukan bahasa Melayu di negara kita sendiripun masih 'terbiar' dan 'terpinggir', malah ia semacam bahasa kelas kedua di negara sendiri. Kita sangat jauh ketinggalan minda dan sikap berbanding sikap dan tindakan yang dimiliki oleh masyarakat negara maju lain seperti Jepun dan Korea Selatan di sebelah Timur Asia dan beberapa negara Eropah seperti Sepanyol, Perancis dan Jerman.

Negara maju yang saya nyatakan itu bukannya tergilagila mengagungkan bahasa asing khususnya bahasa Inggeris, sebaliknya mereka tegar dengan sikap cinta bahasa sendiri dalam apa jua aspek kehidupan. Saya suka ulangi apa yang dikatakan lagi oleh Dr Zaharani itu yang antaranya ujar beliau "Kita bercakap soal menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN, sedangkan negara yang menggunakan bahasa itu sendiri tidak memperkasakannya. Justeru, bagaimana kita ingin mempengaruhi orang luar untuk menerima idea berkenaan?"

Benar sekali apa yang bekas mahaguru saya itu katakan kerana selama ini kedudukan ba-

hasa Melayu di negara kita masih terumbang-ambing tanpa menemui noktah penyelesaian muktamad. Peliknya, dalam Perlembagaan, bahasa Melayu sudah tertera terang yang mengatakan bahasa Melayu adalah bahasa rasmi negara dan bahasa kebangsaan. Nyata, terakamnya bahasa Melayu dalam Perlembagaan tidak memberikan kekuatan sebenar untuk mengangkat kedudukan bahasa Melayu!

Penderitaan bahasa Melayu di negara sendiri tidak pernah menemui jalan penamat. Suara keluhan dan rintihan kaum pencinta dan penggiat bahasa seperti tidak mendapat simpati. Kita kuat dan heboh memberitahu yang kita adalah 'juara' dalam menegakkan martabat bahasa sendiri, tetapi apabila inginkan jaidikannya sebagai bahasa kelimuan maka fikiran kita terus nampak hanya kepada perlunya bahasa Inggeris.

Selama ini kita tidak pernah mengatakan bahawa bahasa Inggeris tidak penting. Tiada siapapun yang mengatakan begitu kerana semua mengetahui kedudukan dan peri pentingnya penguasaan bahasa Inggeris itu. Cuma yang kita sangat 'berkecil hati' ialah apabila ada yang sanggup mengatakan bahawa bahasa Melayu tidak sesuai dan tidak mampu untuk menjadi bahasa ilmu pengetahuan tinggi khususnya dalam bidang Sains, teknologi, kejuruteraan dan Matematik.

Bukan itu saja, bahasa Melayu sudah lama dipinggir dan dicirikan dalam soal yang lebih kecil seperti memberikan nama jalan dan bangunan. Lihatlah pada papan iklan, kita tahu yang kita memang benar-benar jenis yang 'tak sayangkan' bahasa sendiri.

Hal itu sebenarnya ada disentuh juga oleh Dr Zaharani ketika berbicara dalam Forum Bahasa Melayu Sebagai Bahasa ASEAN di Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke-9 (SALPBM) di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang baru-baru ini. Katanya, "jika ia tidak dimartabatkan di negara sendiri, termasuklah dalam soal penamaan tempat dan paparan awam seperti papan iklan yang lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris, maka orang luar tidak akan melihat identiti kita serta tentu sahaja tidak bersetuju untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN."

Sekali lagi betul dan benar apa yang Dr Zaharani itu katakan. Andainya kita beria-mahukan bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa ASEAN, maka kita perlu tunjukkan contoh terbaik terlebih dahulu agar masyarakat lain berasa yang bahasa Melayu memang benar-benar layak dan sesuai digunakan di peringkat rantau Asia Tenggara ini.

Dr Zaharani juga secara separa sinis mengatakan "Apa yang berlaku sekarang adalah kita membezakan dasar seperti menekankan penggunaan bahasa Melayu untuk sektor awam tetapi pada masa sama, sektor swasta bebas menggunakan bahasa Inggeris, jadi keadaan ini sekali gus dapat menghakis keyakinan rakyat terhadap prestij bahasa kita sendiri."

Oleh itu, apa jalan penyelesaian dan resipi terbaik dalam menunjukkan kepada seluruh masyarakat di rantau ASEAN ini bahawa bahasa kita sememangnya layak untuk dijadikan bahasa ASEAN? Dr Zaharani juga ada jawabannya.

Katanya, sehingga dapat menyelesaikan isu dalaman dan memartabatkan bahasa Melayu ke tahap sepatutnya, termasuk rakyat perlulah fasih, menyayangi dan menggunakannya pada semua bidang terutama urusan rasmi, barulah ia dapat membantu untuk diangkat menjadi bahasa ASEAN.

Seorang lagi ilmuwan bahasa Prof Madya Dr Sanat Md Nasir, Pensyarah Fakulti Bahasa dan Pengurusan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) memberitahu, ahli bahasa sudah memainkan peranan, terutama mencipta istilah baharu, kodifikasi dan tatabahasa, namun kita amat memerlukan orang politik untuk memainkan fungsinya selari dengan apa yang termaktub dalam Perlembagaan itu sendiri.

Hakikatnya, bahasa Melayu sepatutnya sudah tidak perlu dipolemikkan lagi sehingga menjadi isu utama kerana negara kita sudah 58 tahun mencapai kemerdekaan. Andai dalam aspek pembangunan lain seperti pembangunan ekonomi dan fizikal pambandan kita begitu berjaya, jadi, mengapakah dalam soal mengangkat bahasa sendiri menjadi begitu rumit dan terpaksa meniti jalan rumit?

FAKTA
Cadangan untuk mengangkat Bahasa Melayu sebagai Bahasa ASEAN perlu asas dan bukti kukuh

Penulis berkelulusan Sarjana Muda Sastera Pengkhususan Sejarah (Kepujian) UKM